SEKSYEN 1

RINGKASAN MAKLUMAT MENGENAI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

PENGENALAN

1.1 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dahulunya dikenali sebagai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) adalah merupakan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 1989 melalui penyusunan semula Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Tujuan utama penubuhan JPK adalah bagi merumus, menggalak dan menyelaras strategi dan program latihan kemahiran sejajar dengan keperluan serta perkembangan teknologi dan ekonomi negara. Nama MLVK telah ditukarkan kepada JPK setelah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dikuatkuasakan mulai 1 September 2006.

Visi JPK ialah untuk menjadi peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia. Misinya pula ialah untuk membangunkan sumber manusia mahir yang berpengetahuan (k-pekerja) dan berdaya saing dengan objektif-objektif seperti berikut:

i. Menyelaras dan mengawal pelaksanaan sistem latihan kemahiran bagi melahirkan k-pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.
ii. Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir secara berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Berikut adalah program dan aktiviti utama JPK sebagai penyelaras dalam pembangunan kemahiran negara:

i. Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard*-NOSS);
ii. Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)
iii. Pembangunan pakar industri;
iv. Pembangunan tenaga pengajar latihan kemahiran;
v. Promosi latihan dan pembangunan kemahiran;
vi. Kajian latihan dan pembangunan kemahiran; dan
vii. Penilaian dan pengiktirafan terhadap program latihan.

1.2 AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006 (AKTA 652)

Akta 652 telah diwartakan pada 29 Jun 2006 dan mula dikuatkuasa pada 1 September 2006. Akta ini adalah bertujuan untuk menggalakkan, melalui latihan kemahiran, pembangunan dan perbaikan keupayaan seseorang, yang diperlukan untuk kerjaya; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengan latihan kemahiran.

Di bawah akta ini, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) ditubuhkan bertujuan meluluskan NOSS dan memberi khidmat nasihat kepada Menteri Sumber Manusia tentang pembangunan kemahiran.

1.3 MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)

MPKK adalah ditubuhkan di bawah Akta 652 untuk menjalankan fungsi-fungsi berikut:

- Meluluskan NOSS;
- Menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta 652;
- Menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya oleh Menteri; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang boleh ditetapkan dalam Akta ini.

Anggota MPKK dilantik oleh Menteri dan terdiri daripada:

- Seorang Pengerusi;
- Ketua Pengarah JPK; dan
- Sembilan orang anggota yang mewakili agensi seperti berikut:
    i. Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri;
    ii. Jabatan Perkhidmatan Awam;
    iii. Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelajaran;
    iv. Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengajian tinggi;
    v. Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
    vi. Kementerian yang bertanggungjawab bagi belia dan sukan;
    vii. Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan usahawan;
    viii. Kementerian yang bertanggungjawab bagi pertanian; dan
    ix. Kementerian yang bertanggungjawab bagi kerja raya.

- Sepuluh orang anggota seperti berikut:
    i. Enam orang anggota mewakili sektor swasta;
    ii. Seorang anggota yang mewakili penyedia latihan kemahiran swasta;
    iii. Seorang anggota mewakili pertubuhan wanita; dan
    iv. Dua orang anggota yang mempunyai, pada pendapat Menteri, pengetahuan khas atau pengalaman dalam latihan kemahiran.

Untuk melaksanakan fungsi MPKK, Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) telah ditubuhkan mengikut kumpulan industri. JPPK adalah berfungsi sebagai penasihat mengenai hala tuju dan kandungan latihan kemahiran terutamanya dalam perkara berikut:

- Keperluan latihan dalam kumpulan sektor industri;
- NOSS yang bersesuaian bagi tujuan persijilan kemahiran; dan
- Struktur dan kurikulum program latihan bersesuaian dengan keperluan industri.

Keahlian JPPK adalah terdiri daripada pakar industri yang berkelayakan dan bersedia menyumbang kepakaran dalam pembangunan tenaga mahir negara. Ketua Pengarah mempunyai kuasa memperakukan ahli-ahli JPPK mengikut kepentingan negara, kerajaan dan organisasi.

Selain daripada JPPK, JPK juga ada menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Antara Agensi Latihan (JTPAAL) yang berfungsi untuk menyeragamkan pelaksanaan latihan kemahiran di kalangan agensi latihan. Di antara isu yang dibincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa ini adalah seperti pengambilan pelatih, pembiayaan latihan, pengiktirafan SKM, kelayakan tenaga pengajar dan isu-isu lain yang berkenaan. Keahlian JTPAAL adalah terdiri daripada wakil agensi-agensi berikut:

- Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- Unit Perancang Ekonomi (EPU)
- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
- Jabatan Tenaga Manusia (JTM)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Jabatan Penjara Malaysia
- Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)
- Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- Kementerian Pengajian Tinggi; dan
- mana-mana agensi yang melaksanakan latihan kemahiran

1.4 KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (KKM)

Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) seperti di **Lampiran A** merupakan instrumen yang membangun dan mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang

dipersetujui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa dan menjelaskan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang menjelaskan beban pembelajaran pelajar.

KKM mengandungi kelayakan kebangsaan pasca sekolah yang dianugerahi dalam sektor kemahiran, vokasional dan teknikal, akademik dan profesional. Ijazah kehormat dan sijil kehadiran tidak termasuk dalam KKM. Ijazah kehormat yang dianugerahi perlu dibezakan daripada ijazah kedoktoran yang terkandung dalam KKM.

Persijilan di bawah sektor kemahiran adalah berpandukan kepada konsep dan struktur Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) seperti ditunjukkan di **Lampiran B** dan penganugerahan kelayakan adalah berdasarkan tahap. Penerangan dan huraian bagi tahap-tahap kelayakan adalah seperti **Lampiran C**.

1.5 STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS)

NOSS adalah dokumen yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

Dalam aktiviti pembangunan NOSS, terdapat dua peringkat yang utama iaitu analisa bidang pekerjaan dan analisa pekerjaan yang melibatkan pakar dari industri yang berkaitan. NOSS yang dihasilkan dapat merangkumi keseluruhan kompetensi bagi sesuatu pekerjaan.

Ciri-ciri utama NOSS adalah seperti berikut:

- Berasaskan keperluan pekerjaan.
- Mengikut struktur kerjaya di dalam sesuatu bidang pekerjaan.
- Disediakan oleh pakar industri dan pekerja mahir yang menjalankan pekerjaan berkenaan.

NOSS terdiri daripada dua bahagian iaitu Standard Amalan (*Standard Practice)* dan Standard Kandungan (*Standard Content*)

i. Standard Amalan adalah dokumen yang menghuraikan tentang jenis pekerjaan, situasi kerja, kelayakan dan prospek pekerjaan dalam industri yang berkaitan.
ii. Standard Kandungan adalah dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan. Ianya mengandungi carta profil pekerjaan, definisi pekerjaan dan profil tugasan.

Daftar NOSS boleh diakses di laman web JPK, www.dsd.gov.my.

1.6 JAWATANKUASA

Bagi memastikan sistem latihan dan pembangunan kemahiran di negara ini adalah berasaskan pendekatan dipacu industri, beberapa jawatankuasa yang dianggotai oleh pihak industri dan pihak berkepentingan telah ditubuhkan. Jawatankuasa tersebut adalah:

i. Jawatankuasa Teknikal; dan
ii. Jawatankuasa Pentauliahan Program Kemahiran (Jawatankuasa Pentauliahan).

1.6.1 Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Teknikal adalah ditubuhkan di peringkat JPK. Fungsi utama jawatankuasa ini ialah untuk menganalisa dan mengesahkan laporan penilaian yang disediakan oleh Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK) untuk dibentangkan di dalam Jawatankuasa Pentauliahan.

Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada :

- Pengarah Bahagian MOSQ sebagai Pengerusi.
- Tiga orang ahli di kalangan pegawai JPK.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal adalah seperti berikut:

- Menyemak, menilai dan mengesahkan laporan penilaian yang disediakan oleh PPPPK.
- Menyediakan ringkasan laporan penilaian pentauliahan untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pentauliahan.

1.6.2 Jawatankuasa Pentauliahan Program Kemahiran (Jawatankuasa Pentauliahan)

Keanggotaan Jawatankuasa Pentauliahan adalah dilantik oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia yang terdiri daripada :

- Ketua Pengarah JPK sebagai Pengerusi
- Timbalan Ketua Pengarah sebagai Pengerusi Ganti
- Semua Pengarah Bahagian JPK
- Wakil agensi berikut:
  i. Bahagian Dasar Sumber Manusia, KSM
  ii. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
  iii. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

iv. Persatuan Majikan
v. Persatuan Industri
vi. Persatuan Pekerja

Pengerusi boleh menjemput mana-mana pihak yang difikirkan sesuai menghadiri mesyuarat atau perbincangan bagi maksud menasihati tentang apa-apa perkara yang dibincangkan,tetapi pihak yang diundang tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pentauliahan adalah seperti berikut :

- Menilai dan menganalisa laporan penilaian pentauliahan yang disediakan oleh PPPPK.
- Mempertimbangkan syor yang telah dibuat oleh PPPPK.
- Menilai dan meluluskan permohonan pentauliahan.
- Menerima, menolak, mengekalkan atau mengubah kelulusan pentauliahan.

1.7 DAFTAR KELAYAKAN KEMAHIRAN MALAYSIA

Daftar Kelayakan Kemahiran Malaysia (DKKM) adalah daftar bagi semua kelayakan kemahiran yang ditauliah oleh JPK. DKKM mengandungi antara lain maklumat berkaitan program yang ditawarkan, penyedia latihan, tahap dan tempoh pentauliahan. Ia bertujuan untuk menyediakan maklumat yang berkaitan kepada pelatih, ibubapa, majikan, agensi penaja dan lain-lain pihak berkepentingan. Ia boleh diakses melalui laman web http://www.ejpk.gov.my/MQA/ProgramList.aspx.

1.8 SISTEM JAMINAN KUALITI LATIHAN KEMAHIRAN

Sistem jaminan kualiti latihan kemahiran adalah bertujuan untuk memastikan pelatih keluaran PLK memenuhi keperluan pelanggan yang mempunyai ciri-ciri seperti kompeten, berpengetahuan dan berdaya saing serta nilai insaniah yang tinggi.

Peningkatan kualiti latihan kemahiran merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:

i. Pembangunan kurikulum latihan berasaskan NOSS;
ii. Pembangunan bahan bantuan mengajar;
iii. Penyediaan spesifikasi peralatan latihan hendaklah berdasarkan NOSS dan kurikulum latihan;
iv. Pembangunan tenaga pengajar dari segi kemahiran teknikal, teknik mengajar, pengurusan dan kemahiran penyeliaan termasuk juga peningkatan kelayakan akademik; dan
v. Penyelarasan sistem pentauliahan yang merangkumi penilaian, persijilan dan pengiktirafan.

Dalam sistem jaminan kualiti latihan kemahiran dan penilaian, PLK diwajibkan menubuhkan jawatankuasa dalaman di peringkat PLK iaitu Panel Penilai Pusat Bertauliah (PPPB) dan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee*-TAC).

Keahlian PPPB terdiri daripada:

- Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) sebagai pengerusi;
- Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) sebagai ahli tetap; dan
- Pegawai Penilai (PP) sebagai ahli sementara.

PPPB bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi berikut:

- merangka prosedur penilaian dalaman;
- memastikan dokumentasi penilaian yang seragam;
- meluluskan kandungan dokumen pembelajaran dan penilaian;
- meluluskan kaedah penilaian;
- mengawasi dan memastikan kesahihan pelaksanaan penilaian;
- memantau sistem jaminan mutu;
- mengadakan mesyuarat panel penilaian sekurang-kurangnya empat kali setahun;
- menyediakan minit mesyuarat panel penilaian untuk verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL); dan
- merekodkan minit mesyuarat semasa lawatan PPL.

Jawatankuasa Penasihat Teknikal (*Technical Advisory Committee-TAC*) terdiri daripada:

- sekurang-kurangnya seorang wakil industri bagi setiap bidang dan dilantik sebagai pengerusi. Wakil industri ini adalah mereka yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang/program tersebut;
- sekurang-kurangnya seorang PPD bagi setiap program/bidang; dan
- PPB sebagai setiausaha.

Peranan TAC adalah seperti berikut :

- bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada PLK;
- menilai dan memilih soalan-soalan yang digubal oleh PLK; dan
- meluluskan kertas soalan peperiksaan akhir.

Dalam pelaksanaan program pentauliahan, personel utama yang terlibat bagi sistem jaminan kualiti latihan dan penilaian di PLK adalah seperti berikut:

i. Personel Pentauliahan – Dalaman

- Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)
  Seseorang personel yang mentadbir dan mengurus pelaksanaan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia.

- Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)
  Seseorang personel yang berkelayakan di dalam bidang kemahiran yang berkaitan di sesebuah pusat bertauliah untuk melaksanakan verifikasi dalaman.

- Pegawai Penilai (PP)
  Seseorang personel yang berkelayakan dan berkemahiran dalam bidangnya, berkhidmat di satu pusat bertauliah, dilantik untuk melaksanakan latihan dan penilaian keterampilan calon.

ii. Personel Pentauliahan – Luaran

- Pegawai Pengesah Luaran (PPL)
  Seseorang personel yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran untuk melaksanakan verifikasi luaran di Pusat Bertauliah.

1.9 PANDUAN JAMINAN KUALITI LATIHAN KEMAHIRAN

1.9.1 Dokumen Jaminan Kualiti

Penilaian jaminan kualiti latihan kemahiran adalah berpandukan dokumen-dokumen berikut:

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS);

- Standard Pusat Bertauliah (PB);
- Panduan Dan Peraturan-Peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia;
- Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Persijilan Kemahiran Malaysia;
- Manual Internship Pegawai Latihan Vokasional;
- Panduan Pelaksanaan Program Pengajar Latihan Vokasional (I-031-3/4/5)
- Manual Latihan Industri (DKM/DLKM)
- Panduan, Syarat-Syarat Dan Proses Permohonan Personal Pusat Bertauliah, Pakar Industri Negara, Kelayakan Kekompetenan Dan Kad MySkills Melalui eJPK.

1.10 PENTAULIAHAN PROGRAM

Pentauliahan program ialah kelulusan yang diberikan kepada sesebuah PLK oleh JPK bagi menjalankan program latihan kemahiran berasaskan NOSS mengikut tempoh yang

ditetapkan. Lawatan penilaian ke premis latihan yang dilakukan oleh PPPPK adalah bertujuan untuk menentusahkan maklumat yang diberikan oleh PLK serta menilai kesesuaian peralatan dan premis latihan yang disediakan.

Laporan penilaian pentauliahan mestilah berasaskan kepada ketelusan dan akauntabiliti untuk menjamin peningkatan kualiti secara berterusan. Laporan ini mestilah disediakan secara bertulis lengkap dengan maklumat seperti format yang disediakan. Setiap laporan perlu dikemukakan sesalinan kepada PLK yang berkenaan bagi memastikan PLK dapat melakukan penambahbaikan untuk menjamin kualiti latihan.

Laporan penilaian akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pentauliahan untuk kelulusan. Bagi pemohon yang berjaya, JPK akan mengeluarkan suatu sijil pentauliahan kepada PLK bagi tempoh tiga tahun. PLK hanya boleh menawarkan dan menjalankan program kemahiran setelah mendapat kelulusan.

1.10.1 Skop Penilaian Pentauliahan

Skop penilaian pentauliahan program kemahiran ádalah merangkumi sembilan perkara seperti berikut:

1. Visi, misi, matlamat latihan kemahiran dan hasil pembelajaran;
2. Rekabentuk kurikulum dan penyampaian latihan;
3. Penilaian pelatih;
4. Pemilihan pelatih dan khidmat sokongan;
5. Staf latihan;
6. Sumber latihan;
7. Pemantauan program dan semakan semula;
8. Kepimpinan, urus tadbir dan pentadbiran; dan
9. Penambahbaikan kualiti berterusan.

Setiap perkara yang dinilai mengandungi standard dan kriteria kualiti yang ditetapkan.

1.11 AUDIT INSTITUSI

Bagi memantau dan memastikan Pusat Bertauliah (PB) mematuhi syarat yang ditetapkan, JPK turut menjalankan Audit Institusi bagi melaksanakan audit pematuhan ke atas semua PB sekurang-kurangnya sekali bagi setiap tiga tahun. Mana-mana PB yang didapati gagal mematuhi syarat yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan yang bersesuai atau ditamatkan pentauliahan.